

Kolej kediaman cemerlang dinamik UMS sambut pelajar baharu

UB 8.7.13 B2

KOLEJ Kediaman Cemerlang Dinamik (CD), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menerima seramai 893 pelajar baharu bagi sesi 2013/2014, termasuk 21 pelajar antarabangsa.

Pendaftaran pelajar baharu telah bermula pada 1 September di Dewan Serbaguna Kolej Kediaman CD. Ahli jawatankuasa Minggu Suai Mesra (MSM) Kolej Kediaman CD yang terdiri daripada 52 ahli jawatankuasa diketuai oleh Muh Yusuf Mohd Sobery mula menerima beberapa pelajar yang datang lebih awal beberapa hari sebelum hari pendaftaran rasmi universiti.

Sebelum bermulanya pendaftaran pelajar baharu, ahli jawatankuasa kolej berkenaan telah membuat pelbagai persiapan bagi menerima kedatangan pelajar. Fasiliti kolej yang termasuk bilik pelajar juga telah diselenggarakan bagi memastikan

keadaan bilik sentiasa berada didalam keadaan yang terbaik untuk keselesaan pelajar.

Pada hari pertama pendaftaran, pelajar ditemani oleh ibu bapa masing-masing hadir seawal jam 7 pagi bagi memastikan mereka boleh mendaftar awal.

Bahagian sambutan dan penginapan kolej kediaman telah membawa pelajar ke blok yang ditetapkan setelah mereka selesai melakukan pendaftaran. Informasi mengenai kolej kediaman juga telah diedarkan kepada para pelajar bagi memastikan mereka tahu nombor yang hendak dihubungi sekiranya berlaku sebarang masalah.

Dengan inisiatif daripada pihak Kolej Kediaman CD, beberapa buah kenderaan digunakan untuk membawa beg-beg mereka ke kawasan hadapan blok masing-masing bagi memudahkan pelajar.

Usaha ini mendapat pujian daripada Timbalan Naib



SEBAHAGIAN pelajar baru di UMSKL.

Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Akademik), Prof Madya Datuk Dr Hj Kasim Hj Md Mansur, yang membuat lawatan ke Kolej Kediaman CD semasa pendaftaran pelajar baharu.

Menurut beliau, usaha seumpama itu perlu dilakukan bagi memastikan kebajikan pelajar terjaga setiap masa di dalam kolej kediaman.

Menurut Pengetua Kolej Kediaman CD, Dr Mohamad Nizam Nazarudin, dalam usaha untuk memastikan barang keperluan harian pelajar mencukupi, bahagian keusahawanan kolej iaitu CD-Mart telah menjalankan jualan yang merangkumi barang keperluan asas serta makanan dan minuman.

"Bagi memudahkan pelajar, terdapat beberapa pakej dijual yang menawarkan harga lebih rendah berbanding mereka membeli barang secara berasingan. CD-Mart mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar baharu yang datang pada hari pertama pendaftaran universiti," katanya.

Menurut beliau, sepanjang pendaftaran pelajar baharu, para pelajar yang telah mendaftar turut menyatakan mereka berasa bersemangat

untuk mendaftar ijazah pertama mereka di UMS.

"Mereka turut berasa gembira dengan layanan mesra yang diberikan oleh ahli jawatankuasa kolej kediaman dan bersyukur di tempatkan di Kolej Kediaman CD," katanya.

Seorang pelajar yang ditemui, Mohd Akmal yang berasal dari Pahang berkata pihak jawatankuasa memberi bantuan secukupnya sepanjang pendaftaran dari segi logistik sedikit sebanyak membantu dalam proses pendaftaran pelajar ke bilik dengan lancar.

Tidak kurang juga ibu bapa yang hadir menemani anak-anak mereka turut melahirkan rasa berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan. Mereka ternyata gembira dengan inisiatif yang dilakukan oleh ahli jawatankuasa kolej kediaman terutamanya penghantaran barang anak-anak mereka ke blok masing-masing.

Bilangan pelajar yang mendaftar pada hari kedua agak berkurangan berbanding pada hari pertama pendaftaran.

Sesi Majlis Ramah Mesra Ibu Bapa juga telah diadakan bagi mendapatkan maklumbalas daripada ibu bapa. Sesi ini dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof Dr Shahril Yussof.

Beliau berkata, pihak Kolej Kediaman CD telah menyediakan kemudahan serta keselamatan yang terbaik di antara semua kolej kediaman.

Felo Penyelaras Minggu Suai Mesra Kolej Kediaman CD, Dr Puteri Hayati berkata persiapan yang dilakukan serta inisiatif dari segi logistik sedikit sebanyak membantu dalam proses pendaftaran pelajar ke bilik dengan lancar.



PELAJAR mendapatkan keterangan lanjut dari pengurusan PPIB.



DR LOI memberikan taklimat penawaran kursus.